

08 JUL 1997

DANA AMANAH BAKUN TIDAK SEDIAKAN PINJAMAN KEPADA PERNIAGAAN

BINTULU, 8 Julai (Bernama) -- Dana Amanah Bakun, yang dilancarkan tahun lalu untuk memberi faedah kepada orang ramai secara langsung daripada projek hidroelektrik Bakun, tidak akan mengeluarkan bayaran untuk pinjaman perniagaan apabila ia akan beralih daripada cadangan asal menyediakan biasiswa kepada pelajar yang memerlukannya.

Pengerusinya Dr James Jemut Masing berkata dana itu akan tetap mengekalkan objektif utamanya memberikan bantuan kewangan kepada pelajar yang tidak berkemampuan untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat pengajian tinggi.

"Hingga sekarang kami tidak memberikan sebarang pinjaman kepada perniagaan. Jika mahu berbuat demikian kami akan merujuk kepada kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu untuk menukarkan undang-undang berkaitan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bengkel kerja selama lima hari mengenai "Isu-Isu Sosial dan Kebudayaan termasuk Peluang-Peluang Perniagaan bagi Wanita Belaga", malam tadi.

Setakat ini, Dana Amanah Bakun yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengumpul sebanyak RM10 juta, RM5 juta daripada kerajaan negeri Sarawak dan RM5 juta lagi daripada Kerajaan Persekutuan.

Dana itu yang dianggap pertama seumpamanya di dunia, ditubuhkan bertujuan untuk melatih penduduk Belaga menerusi seminar dan bengkel kerja untuk menyertai secara aktif dalam ekonomi negeri.

Dr Masing, yang juga Menteri Pelancongan Sarawak berkata bengkel kerja seumpama itu akan dianjurkan selalu kerana ia membolehkan rakyat memperoleh lebih banyak peluang perniagaan apabila projek hidroelektrik empangan Bakun mula beroperasi menjelang tahun 2003.

Beliau berkata sambutan menggalakkan yang diterima oleh bengkel kerja itu mengejutkan penganjurnya -- Jawatankuasa Pembangunan Bakun dan Dana Amanah Bakun.

Beliau juga melahirkan keyakinan bengkel kerja itu akan menambahkan pengetahuan dan keyakinan kepada penduduk Belaga yang terbabit secara langsung dengan projek Bakun, untuk menyertai bidang perniagaan.

Sejumlah 60 peserta daripada 15 rumah panjang termasuk 45 wanita menyertai bengkel kerja itu. -- BERNAMA

RDY ZK/sia